

10 JAN 1998

Rasuah-Jawatankuasa

RASUAH: MB, KSU KEMENTERIAN, KETUA JABATAN DIBERI TEMPOH SEBULAN

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan tempoh sebulan kepada Menteri-menteri Besar, Ketua Menteri, ketua-ketua perkhidmatan dan jabatan kerajaan untuk mengeluarkan arahan menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) dalam usaha membanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan awam.

Menurut arahan Perdana Menteri Bilangan 1, Tahun 1998 yang dikeluarkan Khamis lepas, kesemua mereka merupakan Pengerusi JKP, perlu mengeluarkan pekeliling dengan segera kepada jabatan dan agensi masing-masing bagi menentukan penubuhan sebuah jawatankuasa baru atau menggunakan jawatankuasa yang sedia ada.

Arahan itu selaras dengan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia melalui penubuhan JKP di peringkat persekutuan, negeri dan daerah yang dilancarkan pada hari yang sama.

JKP ditubuhkan bagi menangani kelemahan dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan lain.

Jawatankuasa itu adalah di bawah pengawasan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut arahan itu, kerajaan-kerajaan negeri melalui Pengerusi JKP masing-masing perlu memastikan arahan penubuhan jawatankuasa berkenaan dilaksanakan hingga ke peringkat pihak berkuasa tempatan.

Dalam arahan setebal 50 muka surat itu, Perdana Menteri antara lain menggariskan kod etika kerja yang perlu ada bagi jabatan, tindakan pengesanan dan punitif kepada kakitangan yang terlibat rasuah, jenis kawalan dalaman yang boleh diamalkan oleh jabatan bagi mencegah rasuah serta tindakan pemulihan terhadap jabatan yang terlibat.

Menurut Perdana Menteri, jenis kawalan dalaman yang boleh dilaksanakan dalam tugas-tugas penyeliaan pegawai kanan termasuk meningkatkan tahap penyeliaan dan ketelusan pengurusan.

Ini boleh dilakukan dengan mewujudkan sistem pemantauan urusan penting jabatan terutamanya bagi yang melibatkan kepentingan orang ramai, kewangan, perolehan, pembangunan dan penguatkuasaan di samping mempercepatkan kelulusan sesuatu permohonan, ketelusan polisi yang dilaksanakan dan mengambil tindakan terhadap semua pengaduan.

Tindakan pemulihan yang dicadangkan selepas sesuatu kejadian pelanggaran tatatertib meliputi khidmat nasihat kepada kakitangan terbabit, memastikan penyeliaan rapi terhadap kakitangan bermasalah dari segi menanggung beban hutang, menukar pekerja bermasalah ke tempat yang bebas daripada peluang berasuah dan membuat putaran penempatan pegawai yang lebih kerap di tempat yang terdedah kepada rasuah dan penyelewengan. -- BERNAMA

RAZ AKD